

Pencarian Perancang Hayat AIA sepenuh masa

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR - AIA Bhd., (AIA) mengambil pendekatan kreatif dalam usaha merekrut agen insurans atau lebih dikenali sebagai Perancang Hayat AIA menerusi pelancaran kempen 700-Day Itch yang bermatlamat menarik minat individu berbakat yang inginkan perubahan kerjaya.

Ketua Pegawai Pendedaran Agensi AIA, Leong Chee Soong berkata, kempen baharu itu turut memberi tumpuan kepada individu dari golongan profesional yang mengalami perasaan ketidakpuasan dalam kerjaya mereka, seterusnya membuat keputusan untuk melakukan perubahan dengan menyertai bidang insurans dan takaful sebagai Perancang Hayat.

"700-Day Itch' diterjemahkan sebagai satu situasi yang mana seseorang mengalami kegelisahan dalam tempoh 700 hari selepas memulakan pekerjaan di sesuatu tempat. Melalui kempen 700-Day Itch ini juga, kami ingin menjelaskan tentang budaya profesionalisme, potensi dan peningkatan kerjaya sebagai Perancang Hayat.



CHEE SOONG

"Lebih menarik, kempen ini turut dilengkapi dengan pesanan khidmat awam yang unik dengan menggambarkan AIA sebagai penawar bagi mengubati penyakit 700-Day Itch yang melanda negara ini," katanya kepada *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Chee Soong menambah, kempen ini dilancarkan susulan kejayaan program perintis, Nurture Premier Agent (NPA) pada tahun 2018 bertujuan melahirkan agen sepenuh masa yang profesional, berkualiti tinggi dan berkarisma.

"Program perintis NPA telah berjaya menunjukkan keputusan dan hasil yang amat memberangsangkan, di mana Perancang Hayat yang menyertai program tersebut menunjukkan tiga kali lebih produktiviti berbanding sebelum ini.

"Kami mengambil keputusan membawa NPA ke tahap lebih tinggi dan pada awal tahun ini AIA Elite Academy diperkenalkan. Melalui transformasi ini, program eksklusif selama 18 bulan ini memberi pengkhususan kepada latihan yang fokus terhadap pengetahuan kewangan dan pemasaran media so-



PROGRAM eksklusif AIA Elite Academy memacu bakat baharu ke arah mencapai kerjaya sebagai Perancang Hayat yang profesional dan cemerlang serta merupakan salah satu pelaburan jangka panjang AIA dalam membangunkan tenaga agensinya.

sial selain menyediakan latihan individu dan mentor kepada Perancang Hayat baharu," ujarnya.

Menurutnya, AIA Elite Academy merupakan program pertama seumpamanya dalam industri yang menawarkan pelbagai sokongan lain termasuk skim pembiayaan bertujuan membantu Perancang Hayat memulakan kerjaya mereka dengan asas yang

kukuh di AIA.

"Tenaga agensi AIA juga terdiri daripada ramai individu profesional termasuk jurutera, doktor, peguam mahupun guru yang bertukar kerjaya kepada Perancang Hayat. Kami tahu bukan mudah untuk seseorang membuat perubahan dalam kerjaya, namun di AIA, kami akan memastikan setiap Perancang Hayat diberikan sokongan berterusan, mencapai ke-

cemerlangan dan memperoleh ganjaran yang bermakna.

"Kami ingin mengubah landskap perekrutan melalui AIA Elite Academy, yang sekali gus mengukuhkan lagi komitmen syarikat dalam membangunkan generasi Perancang Hayat baharu yang profesional," jelasnya.

Layari www.aia.com.my untuk informasi lanjut mengenai AIA Elite Academy.